

25/06/1998

Penerusan usaha bina bangsa Malaysia

Makmor Tumin

SEKURANG-KURANGNYA ada tiga bentuk persekitaran yang ditempuh oleh bangsa Malaysia menjelang alaf akan datang. Antara bentuk persekitaran itu terhasil daripada perkembangan idea liberalisme, globalisme dan hasil persekitaran ledakan teknologi maklumat (IT).

Justeru, jika ada usaha yang dibuat untuk membina bangsa Malaysia, ketiga-tiga perkara di atas haruslah juga dijadikan sebahagian teras utamanya di samping teras asalnya iaitu semangat nasionalisme Malaysia.

Sudah sekian lama usaha dilakukan bagi mewujudkan bangsa Malaysia khususnya selepas berlaku peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969. Namun sudah hampir 30 tahun lamanya usaha untuk membina bangsa Malaysia itu dilakukan, kita dapati hingga kini masih tidak dapat ditonjolkan dengan jelas identiti bangsa itu. Malahan pada hemat saya, idea penciptaan bangsa Malaysia yang berasaskan teras bangsa Melayu bukan saja tidak cukup utuh, malah mungkin juga tidak keterlaluan kalau saya katakan idea itu semacam tidak lagi relevan pada masa kini, apatah lagi pada masa alaf akan datang.

Saya bukanlah tidak mahu menyokong usaha memperjuang idea bangsa Malaysia itu. Apa yang saya ingin nyatakan adalah identiti bangsa Malaysia itu haruslah dinamis. Ertinya, ia harus mempunyai pelbagai keupayaan - bukan saja keupayaan bagi mengutuhkan akar nasionalnya seperti aspek tradisi budaya, agama dan bangsa yang berteraskan bangsa Melayu (Malaysia) tetapi juga harus dapat mengukuhkan akal internasionalnya seperti peka dan berusaha mengakomodasikan hasil perkembangan idea liberalisme, globalisme dan ledakan teknologi maklumat seperti yang saya sebutkan di atas tadi.

Kita harus faham bahawa nasionalis tulen dan pejuang bangsa ingin melihat bangsanya maju di setiap bidang dan segenap lapangan. Justeru itu, jika kita masih taksub dengan idea nasionalisme sebagaimana mengikut acuan nasionalisme awal kurun ini, saya khuatir kita akan terjebak dengan kitaran ganas kemunduran dalam pelbagai bidang dan segenap lapangan. Malahan kita harus menerima hakikat agenda politik bagi mewujudkan negara Tanah Melayu bangsa Melayu seperti yang dicanangkan oleh nasionalis itu sudah lama roboh. Meskipun ia sudah roboh, semangat dan rohnyanya tetap terus disambung oleh generasi anak-anak mereka. Namun, acuannya sudah mula berbeza. Identiti bangsa lain masih turut diterima pakai di samping bangsa Melayu tetap dijadikan teras dalam idea mewujudkan bangsa Malaysia. Hanya yang sedikit berbeza mengenai perbincangan mewujudkan bangsa Malaysia itu ialah dari segi mencari persamaan identiti bukan saja dari aspek bangsa tetapi juga dari segi wilayahnya saja.

Masalahnya, acuan yang sebegitu masih terus dibincang dan diperdebatkan. Sedangkan seperti yang disebutkan di awal tadi, bentuk persekitaran telah banyak berubah hasil perkembangan liberalisme, globalisme dan ledakan teknologi maklumat. Ertinya, acuan yang digunakan bagi membina bangsa Malaysia itu tidak sewajarnya rigid dan statik semata-mata. Oleh kerana bangsa itu berkembang secara dinamis, acuan yang digunakan itu juga haruslah dinamis. Jika kita masih terus melahirkan bangsa Malaysia dengan menggunakan acuan itu, saya fikir bangsa yang dilahirkan itu hanya akan bermegah-megah dengan bahasa dan bangsanya di masa yang sama kemajuan bangsa dan negaranya terabai.

Malangnya, hanya segelintir masyarakat Malaysia yang dapat melihat perkembangan ini. Mereka yang peka dengan keadaan ini berhasil mengakomodasikan tuntutan bagi mengukuhkan akal nasional dengan di masa yang sama berupaya mengukuhkan akal internasionalnya. Mungkin itulah sebab

agaknye kita dapati cara dan gaya hidup sesetengah pejuang bahasa itu tidak seperti yang disangka oleh masyarakat ramai. Masyarakat membayangkan hampir semua pejuang bahasa itu sentiasa berucap dengan menggunakan bahasa Malaysia dalam suasana formal dan informal. Bukan itu saja, mereka dibayangkan sebagai golongan yang mengkehendaki bahasa dan tradisi Melayu sentiasa menjadi teras dan diutamakan dalam perbualan informal seharian apatah lagi dalam suasana formal.

Sebenarnya, kalau kita dapat perhatikan cara dan gaya hidup segelintir golongan yang terbabit dengan perjuangan bahasa, kita akan dapati semua yang dibayangkan di atas itu hanyalah sebahagian aspek akar nasional yang mereka juangkan. Mereka juga terus mengembangkan aspek akal internasional di samping akar nasional itu turut juga peka terhadap tuntutan perkembangan idea liberalisme, globalisme dan hasil ledakan maklumat. Maka, bukannya sesuatu yang memeranjatkan kalau ada segelintir anak pejuang bahasa itu menjadi juruacara program berbahasa Inggeris dan menyertai tarian ballet, mengutamakan memilih untuk sentiasa makan tengah hari atau malam di McDonald dan seumpamanya.

Pada hemat saya, perlu diwujudkan satu acuan baru bagi menjana idea pembentukan bangsa Malaysia. Ini difikirkan lebih mendesak apabila ketahanan idea bangsa Malaysia yang ada pada hari ini diuji dengan pelbagai masalah terutamanya kegawatan ekonomi. Dalam pemerhatian saya sepintas lalu dan juga sebagaimana yang dirunsingkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai wujudnya golongan yang hilang semangat patriotisme dan nasionalisme di kalangan masyarakat. Kesannya, sebagaimana yang dilaporkan dalam beberapa media, ada pihak tertentu yang mengeluarkan wang simpanan di bank-bank tempatan untuk dilaburkan di bank-bank luar negara akibat tidak percaya dengan kekuatan ekonomi negara di saat negara memerlukan wang itu. Bukan itu saja, usaha kerajaan bagi meningkatkan dana negara yang bertujuan mengurangkan beban kerajaan tidak begitu menampakkan sokongan menyeluruh dari semua pihak.

Semua perkara di atas memungkinkan kita untuk berfikir sejenak mengenai bangsa Malaysia itu. Pada hemat saya, ada dua perkara yang perlu difikirkan secara serius. Pertama, memikirkan semula suatu acuan yang menyeluruh dalam usaha mewujudkan bangsa Malaysia yang baru itu. Justeru itu, aspek bagi mengutuhkan akar nasional semata-mata sudah semestinya tidak lengkap jika acuan mewujudkan bangsa Malaysia itu tidak disertai dengan aspek-aspek mengukuhkan akal internasionalnya. Kedua, oleh kerana aspek mewujudkan bangsa Malaysia itu berkaitan mental dan psikologi setiap batang tubuh manusia di Malaysia, maka ideanya bukan saja dijelaskan secara bertubi-tubi malah semangat dan rohnya haruslah sentiasa digelorakan dari semasa ke semasa.

Kita harus ingat bahawa pendirian yang semata-mata kepada kepercayaan primordialisme sesuatu bangsa yang sempit hanya menyempitkan skop pandangan sesuatu bangsa. Kesannya bangsa itu akan terus hidup seperti katak di bawah tempurung, lantas ketinggalan dalam pelbagai bidang dan segenap lapisan.

Seterusnya, semata-mata menerima idea perkembangan liberalisme, globalisme dan ledakan teknologi maklumat secara membuta-tuli pula, hanya akan menyebabkan kehilangan identiti Melayu dan pegangan agamanya. Kesannya, bangsa itu pula akan lupa daratan, bagai kaduk naik junjung lantas menjadi rakus dan buas. Justeru itu, bagi menjamin kewujudan bangsa Malaysia yang bermaruah pada alaf akan datang, kita haruslah memastikan bangsa itu utuh akar nasional dan kukuh akal internasionalnya.

(END)